

18 JUNE 2004

Syed Razak-Honararium

KEDAH TIDAK BERCADANG TUNTUT KENAIKAN HONARARIUM

ALOR STAR, 18 Jun (Bernama) -- Kerajaan Kedah tidak bercadang meminta kenaikan bayaran honararium RM10,000 setahun yang dibayar kepadanya oleh kerajaan Pulau Pinang, kata Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain hari ini.

"Kita belum berfikir untuk meminta bayaran itu dikaji semula," katanya semasa diminta mengulas kenyataan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad Rabu lepas, yang menyarankan Kedah meminta Pulau Pinang menaikkan bayaran itu, kerana kadar berkenaan tidak berpatutan pada masa sekarang.

"Kenyataan Dr Mahathir itu hanyalah pandangan peribadi beliau," kata Syed Razak kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat Umno Cawangan Kilang Ais, Kuala Kedah, di sini.

Sejarah pembayaran honararium itu bermula apabila Sultan Abdullah menyerahkan Pulau Pinang kepada Kapten Francis Light yang mewakili East India Company pada 1796 dan Seberang Perai pada 1800 kerana meminta bantuan British membantu Kedah daripada serangan Siam.

Mengikut perjanjian antara kerajaan Kedah dan Francis Light, British bersetuju membayar dalam bentuk wang perak \$10,000 mata wang Sepanyol setahun, tetapi pembayaran \$10,000 itu kemudiannya dibuat dalam bentuk mata wang Negeri-Negeri Selat yang nilainya lebih rendah.

Syed Razak bagaimanapun berkata tuntutan bayaran terhadap air yang dibekalkan ke Pulau Pinang dan Perlis sedang dibincangkan.

"Perbincangan itu telah berjalan sejak beberapa tahun lepas lagi dan setakat ini belum ada keputusan muktamad," katanya.

Syed Razak berkata pada peringkat awal dahulu kerajaan Kedah bersetuju membekalkan air secara percuma ke Pulau Pinang kerana ia digunakan untuk pertanian dan minuman.

Tetapi sekarang ini, katanya, air berkenaan juga digunakan oleh

sektor perindustrian dan adalah tepat sekiranya Kedah mengenakan bayaran terhadap air berkenaan kerana ia juga dapat menambahkan hasil kepada negeri Kedah.

Syed Razak juga berkata kerajaan negeri juga telah memohon kepada kerajaan pusat agar membayar ses terhadap pengeluaran hasil padi negeri ini yang berjumlah RM800 juta setahun.

"Ini kerana untuk menjayakan projek Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, kerajaan negeri telah menyediakan 100,000 hektar tanah untuk dijadikan sawah yang tidak memberikan hasil kepada kerajaan (negeri), sedangkan tanah itu sekiranya tidak dijadikan sawah boleh dimajukan dengan projek lain yang mendatangkan hasil kepada kerajaan (negeri)," katanya.

-- BERNAMA

MZM MOZ